

## Sime Darby Property dan Lagenda Properties Tubuh Usaha Sama Rumah Mampu Milik

- Usaha sama ini bermatlamat untuk menyokong pasaran rumah mampu milik yang kian berkembang di Malaysia dengan menawarkan rumah dengan harga berpatutan di lokasi yang sesuai, menjadikan pemilikan rumah lebih mudah diakses.

**KUALA LUMPUR, 24 JANUARI 2024** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property”) melalui anak syarikat milik penuhnya, Seed Homes Sdn Bhd (“Seed Homes”), telah menandatangani perjanjian pemegang saham dengan Lagenda Properties Berhad (“Lagenda Properties”) untuk menubuhkan Seed Homes Lagenda sebagai usaha sama 50:50 untuk membangunkan rumah mampu milik.

Seed Homes adalah portfolio terbaru Sime Darby Property yang bertujuan untuk menyampaikan penyelesaian inovatif dalam segmen rumah mampu milik.

Usaha sama ini akan memanfaatkan rekod prestasi Sime Darby Property selama lebih 50 tahun dengan bank tanahnya (*landbank*) yang luas dan strategik, serta kepakaran Lagenda Properties dalam membangunkan perbandaran mampu milik yang mampan. Kerjasama ini dijangka akan menyokong pasaran rumah mampu milik yang semakin berkembang di Malaysia dan seterusnya menggalakkan pemilikan rumah.

Seed Homes Lagenda akan memulakan projek perbandaran mampu miliknya yang pertama di Gurun, Kedah menerusi perolehan tanah seluas 249 ekar dari Sime Darby Property. Dijangka untuk menghasilkan lebih 3,000 buah rumah mampu milik, pembangunan ini memanfaatkan lokasi strategik dan kesan *spillover* daripada potensi pertumbuhan perindustrian di Gurun.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata: “Kami amat berbesar hati untuk membentuk JV dengan Lagenda Properties, usaha pertama Sime Darby Property dalam sektor perbandaran mampu milik. Kerjasama ini akan membolehkan pembangunan rumah mampu milik secara komersial serta memberikan akses yang lebih baik kepada pemilikan rumah bagi semua pelanggan.”

Tambah Dato’ Azmir Merican: “Usaha sama ini membuktikan komitmen kami untuk menyediakan rumah mampu milik, dan bekerjasama dengan pihak-pihak yang boleh memberikan nilai tambahan kepada saranan ini, berpandukan Matlamat Syarikat sebagai Pegganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet.”

Pengarah Urusan Lagenda Properties, Dato’ Jimmy Doh menyatakan keterujaan beliau terhadap JV ini yang memanfaatkan kepakaran kedua-dua syarikat untuk menyampaikan standard baru dalam perumahan mampu milik.

“Dengan rekod prestasi yang cemerlang termasuk penghantaran lebih 10,000 rumah mampu milik, Lagenda Properties telah menunjukkan keupayaan yang tinggi selaras dengan minat dan keperluan pasaran. Kepakaran kami membolehkan kami untuk membangunkan perbandaran mampu milik dengan harga yang berpatutan. Model yang terbukti ini, diperbaiki menerusi

penambahbaikan berterusan merentas pelbagai projek, merupakan kemahiran berharga yang kami tampilkan dengan Seed Homes Lagenda. Bersama dengan Sime Darby Property, kami beraspirasi untuk meningkatkan impak dan meluaskan pengaruh kami untuk menyampaikan rumah mampu milik ke spektrum rakyat Malaysia yang lebih luas.”

- TAMAT SIARAN -

#### **About Sime Darby Property Berhad**

With over 50 years of experience, Sime Darby Property leads in creating master-planned communities, setting the benchmark for quality, innovation, and sustainability in residential, integrated and high-rise projects within its 25 townships and developments across Malaysia.

As it transitions into a real estate company by 2025, the company drives the industrial and logistics segment in Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Hamilton Nilai City, and the Pagoh Special Economic Zone. Propelling its recurring income portfolio, Sime Darby Property is also the first public-listed property developer in Malaysia to venture into the creation of development funds in the industrial and logistics sector.

The company has pledged to achieve Net Zero carbon emissions by 2050, referencing the science-based target of limiting global temperature rise to 1.5°C. A consistent champion for biodiversity, Sime Darby Property is a constituent of the MSCI ACWI Small Cap Index with MSCI ESG Rating of BBB and is rated by the Carbon Disclosure Project.

A part of the respectable Malaysian consortium which successfully regenerated the iconic Battersea Power Station in the United Kingdom, Sime Darby Property also owns the multi-award-winning Kuala Lumpur Golf & Country Club, host to the prestigious LPGA-sanctioned Maybank Championship.

Driven by its Purpose to be a Value Multiplier for People, Businesses, Economies, and the Planet, Sime Darby Property through its philanthropic arm, Yayasan Sime Darby, continuously creates positive social impacts for the communities it serves.

Sime Darby Property is recognised as the World’s Best with Gold and Silver wins at the FIABCI World Prix d’Excellence Awards 2023, with other notable achievements, including All-Stars at the StarProperty Awards 2023, a Platinum ranking in the Property Development category at the Putra Brand Awards 2022, a Top 10 Developers (Malaysia) Award at the BCI Asia Awards 2023, a People’s Choice Award at the PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, as well as named one of the nation’s top three property developers at ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards 2023’.

For more information log on to [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Media Contact: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

For General Enquiries please e-mail: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)

#### **ABOUT LAGENDA PROPERTIES BERHAD**

LAGENDA PROPERTIES BERHAD (“Lagenda”) is a property developer listed on the Main Market of Bursa Malaysia. We started our journey in affordable housing development in early 2018 focusing on our main core expertise of developing self-sustaining townships, prioritising community-based facilities & public amenities that meet the needs of most Malaysian home buyers that fall under the B40 and the M40 income groups. Our goal is to build economical & affordable homes while our long-term objective is to become a sustainable developer in Malaysia.

---

**For media enquiries on Lagenda Properties, please contact:**

**Sandy Yap**

Tel: +603 2712 1862

E-Mail: [sandy@ibes-advisory.com](mailto:sandy@ibes-advisory.com)

---